

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [Bentong]

SOALAN

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kuantiti *Water Leached Purification*, *Neutralisation Underflow Residue*, *Flue Gas Desulphurisation* dan 'wastewater dari final discharge point' yang telah dihasilkan oleh Lynas, mengikut tahun dari 2012 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Operasi kilang Lynas menghasilkan tiga (3) jenis residu iaitu WLP, NUF dan FGD. Daripada ketiga-tiga residu yang dihasilkan, hanya residu WLP dikategorikan sebagai sisa radioaktif dan tertakluk di bawah kawalan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Jumlah terkini (sehingga 24 September 2019) kuantiti residu *Water Leached Purification* WLP yang dihasilkan oleh Syarikat Lynas adalah sebanyak 637,581 tan metrik.

Berdasarkan data inventori penjanaan buangan terjadual yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar, jumlah buangan terjadual NUF (NUF dan FGD mempunyai sifat yang sama) yang dilaporkan oleh Lynas Malaysia Sdn. Bhd. dari bulan Januari 2019 hingga September 2019 adalah sebanyak 210,229 MT (*dry basis*) dengan jumlah keseluruhan buangan terjadual NUF semenjak 2012 yang dilupuskan di tapak pelupusan selamat di premis adalah sebanyak 1,084,203 MT (*dry basis*).

NO. SOALAN : 335

Sistem pengolahan efluen mempunyai kapasitas mengawal kadar aliran efluen (*wastewater*) sebanyak 8,000 meterpadu/hari dan telah disediakan bagi memastikan sebarang pelepasan efluen ke perairan daratan adalah mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.